

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HKA 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan di dalam **TIGA [3]** bahagian iaitu **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, iaitu sekurang-kurangnya **SATU [1]** daripada tiap-tiap **BAHAGIAN A, B** dan **C**.

BAHAGIAN A

1. Teori-teori kesusasteraan pada dasarnya dapat dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan kepada kecenderungan satu-satu pandangan terhadap koordinat sastera. Dengan contoh-contoh yang jelas huraikan jenis-jenis teori tersebut.

2. Bincangkan apa yang anda fahamkan tentang genre dan kemanfaatannya dalam kesusasteraan. Berdasarkan kepada mana-mana kesusasteraan perlihatkan bagaimana satu-satu genre itu dapat dibezakan dengan jenis yang lain.

BAHAGIAN B

3. Novel *Suami* karangan Ali Jusoh memaparkan satu keganjilan dalam perhubungan suami isteri yang baharu mendirikan rumah tangga. Bincangkan pernyataan di atas. Dengan contoh-contoh yang jelas huraikan bagaimana pengarang berjaya menangani permasalahan ini dengan berkesan.
4. *Mewarna Bulan* karangan Alias Ismail bukan merupakan konflik di antara golongan tua dan muda tetapi sebenarnya konflik di antara kebenaran dan kebatilan. Bincangkan pernyataan di atas. Berikan penilaian anda terhadap kelebihan dan kelemahan pengarang dalam mengenengahkan persoalan tersebut.
5. Kedua-dua cerpen ‘Seorang Tua’ karangan Ali Majod dan ‘Zaabalawi’ oleh Naquib Mahfuz menceritakan peristiwa-peristiwa yang luar biasa. Bincangkan. Kemudian bandingkan kedua-dua cerita tersebut dari sudut teknik dan keberkesanannya.
6. Novel Joseph Conrad berjudul *Heart of Darkness (Durjana di Hati)* menceritakan kisah tentang sifat tamak haloba manusia sehingga sanggup membunuh bagi mencapai apa yang dihajatinya. Bincangkan pernyataan di atas dan berikan penilaian anda terhadap pandangan bahawa novel ini dapat dianggap sebagai sebuah karya besar dalam kesusasteraan.

BAHAGIAN C

7. Baca sajak-sajak ‘Sungai Mekong’ dan ‘Sungai Kelang’ oleh Latiff Mohidin (lihat lampiran) kedua-duanya menggunakan sungai sebagai landasan dalam membicarakan persoalan yang berbeza. Bincangkan sejauh mana kedua-dua sajak itu berjaya memperlihatkan teknik yang rencam dalam mengungkapkan persepsi penyair terhadap masalah kehidupan.

8. Apakah anda fahamkan dengan pandangan bahawa puisi adalah pengucapan hati penyair dari renungannya yang mendalam terhadap kehidupan. Berdasarkan sajak Dylan Thomas bertajuk 'This Bread I Break' (lihat lampiran) bincangkan ketepatan pandangan ini. Kemudian beri analisis terhadap sajak tersebut dari segi isi dan teknik penyampaiannya.

Lampiran

Sungai Kelang

ia merangkak
dengan lidah terjulur
di tengah kota
dengan dada penuh nanah

(ia telah lupa bagaimana
sungai bisa menari
dan menyanyi
dengan rambut terbuka
atau menggeliat dan melambai
di tengahari
dengan hati terbuka
sambil tersenyum)

o bunda sungai
dari kota peraja
siapakah yang meratapmu
kalau tidak hujan
yang membawa segala
kotoran meringat daki
dari hari dan matari

ia tetap merangkak
dalam kesunyiannya
dan menerima segala
sisa kota dan manusia
tapi cintanya pada bumi
tidak mau terbagi
walau kota ini nanti
tiada berpenghuni
dan di atas dadanya
tersusun tulang tengkorak
ia tetap merangkak
dan merangkak

- Latiff Mohidin

Lampiran

Sungai Mekong

1

sungai mekong
kupilih namamu
kerana aku begitu sepi
kan kubenamkan dadaku
ke dasarmu
kaki kananku ke bulan
kaki kiriku ke matari
kan ku hanyutkan hatiku
ke kalimu
namaku ke muara
suaraku ke gunung

2

sungai mekong
nafasmu begitu tenang
lenggangmu begitu lapang
di tebingmu
ada ibu bersuara sayu
mencari suara puteranya yang hilang
waktu ia merebahkan wajahnya
ke wajahmu
kau masih bisa senyum senang

3

sungai mekong
akhirilah tari siang riakmu
kulihat di dasarmu
kuntum-kuntuman berdarah
batu-batu luka
malam ini
ribut dari utara akan tiba
tebingmu akan pecah
airmu akan merah
dan arusmu akan lebih keras
dari Niagara

- Latiff Mohidin

...Lampiran/-
...6/-

Lampiran

THIS BREAD I BREAK

THIS bread I break was once the oat,
This wine upon a foreign tree
Plunged in its fruits;
Man in the day or wine at night
Laid the crops low, broke the grape's joy.

Once in this wine the summer blood
Knocked in the flesh that decked the vine,
Once in this bread
The oat was merry in the wind;
Man broke the sun, pulled the wind down

This flesh you break, this blood you let
Make desolation in the vein,
Were oat and grape
Born of the sensual root and sap;
My wine you drink, my bread you snap.

- Dylan Thomas

--oo000oo--